



## Selepas penyaringan mamogram anda, apa lagi?

### Tahniah! Anda telah menjalani pemeriksaan kesihatan penting ini!

Filem-filem anda akan diperiksa oleh dua pakar radiologi. Segala usaha akan dilakukan untuk memastikan bahawa keputusan pemeriksaan anda akan diposkan atau dikirim secara elektronik dalam tempoh dua minggu. Salinan juga dikirim kepada GP yang anda namakan kecuali anda ada permintaan lain. Dengan persetujuan daripada anda, keputusan mamogram akan dimasukkan ke dalam Rekod Kesihatan anda.

Jika anda ada sebarang kebimbangan, anda boleh mengunjungi laman web kami [www.breastscreen.health.wa.gov.au](http://www.breastscreen.health.wa.gov.au) atau telefon (08) 9323 6700 atau di kawasan luar bandar telefon talian bebas tol 1800 800 033.

### Bagaimana jika saya memerlukan X-ray ulangan?

Kadang-kadang pakar radiologi akan minta X-ray ulangan jika filemnya kurang jelas. Jika ini perlu dilakukan, anda akan menerima panggilan telefon atau surat meminta anda datang untuk menjalani X-ray ulangan. X-ray ulangan akan dilakukan di klinik penyaringan.

### Bagaimana jika saya memerlukan X-ray yang lebih lanjut?

Kira-kira 1 daripada 20 wanita diminta datang untuk menjalani X-ray payudara ulangan. X-ray itu akan menumpukan fokus pada bahagian payudara yang perlu diperiksa lebih teliti. Jika ini perlu dilakukan BreastScreen WA akan menghubungi anda untuk membuat temujanji dengannya.

### Wanita yang tinggal di kawasan metropolitan

Di kawasan metropolitan, X-ray selanjutnya dilakukan di salah satu BreastScreen WA's Breast Assessment Centres yang terletak di hospital Fiona Stanley, Royal Perth dan Hospital Sir Charles Gairdner.

Selalunya X-ray selanjutnya itu tidak akan menunjukkan sebarang masalah. Sebilangan kecil wanita memerlukan beberapa ujian lebih lanjut, seperti ultrasound atau biopsi. Ujian-ujian itu dijalankan pada hari yang sama anda menjalani X-ray lebih lanjut.

### Wanita yang tinggal di luar bandar WA

Bagi wanita di luar bandar, X-ray lebih lanjut akan dijalankan di perkhidmatan bergerak. BreastScreen WA akan menghubungi anda untuk memberitahu anda jika ujian-ujian tambahan itu diperlukan.

Terdapat perkhidmatan penilaian dan penyaringan kawasan yang tetap di Bunbury South West Health Campus.

### Adalah penting untuk diingat bahawa kebanyakan wanita yang memerlukan ujian-ujian lebih lanjut tidak mempunyai kanser payudara

Semua wanita yang memerlukan ujian selanjutnya akan diberikan pilihan samada dirujukkan secara langsung kepada salah satu Breast Assessment Centres atau berjumpa GP mereka. Semua keputusan ujian di Breast Assessment Centre boleh didapati pada waktu temujanji, kecuali keputusan biopsi teras yang boleh didapati dalam tempoh 24 jam.

Bagi beberapa orang wanita yang mempunyai kanser, pengesanan awal akan meningkatkan peluang kejayaan rawatan. Kanser payudara kecil selalunya boleh dirawat dengan pembedahan yang kurang ekstensif berbanding dengan kanser besar.

### Adakah mamogram dapat menunjukkan semua kanser?

Penyaringan mamogram boleh mengesan sebanyak 70-99% kanser payudara. Namun terdapat sebilangan kecil kanser yang tidak dapat dikesan oleh mamogram. Ada kemungkinan bahawa mamografi tidak dapat mengesan perubahan yang disebabkan oleh kanser payudara (negatif palsu) atau ujian-ujian selanjutnya akan dijalankan untuk memeriksa perubahan yang tidak disebabkan oleh kanser payudara (positif palsu).

Jika anda mendapati sebarang perubahan pada payudara anda seperti ketulan, lelehan puting atau sakit payudara baru yang berterusan, maka berjumpa GP anda dengan segera, walaupun mamogram baru-baru itu tidak menunjukkan sebarang tanda kanser payudara. Perubahan-perubahan yang tidak berbahaya seperti sista, selalunya dilihat pada mamogram tetapi anda hanya akan diberitahu jika ujian-ujian selanjutnya diperlukan.

## **Apakah yang akan berlaku seterusnya?**

BreastScreen WA akan menghantar surat kepada anda apabila sampai waktunya anda datang untuk menjalani pemeriksaan mamogram yang berikut. Jika oleh sebab-sebab yang tertentu anda tidak menerima surat itu, sila telefon kami 13 20 50\* dan kami akan mengatur temujanji untuk anda.

Semua mamogram yang telah anda jalani dengan program ini akan kami simpan sebaik-baiknya untuk perbandingan dengan penyaringan payudara di masa depan.

Wanita yang berumur 75 tahun dan ke atas tidak akan menerima surat peringatan tetapi mereka boleh menempah temujanji dalam talian atau telefon kami 13 20 50\* untuk temujanji.

Jika anda sudah menukar alamat, sila telefon 13 20 50\* dan beritahu kami.

Untuk bantuan juru bahasa, sila telefon 13 14 50

(\*kos panggilan tempatan)

## **Apa lagi yang patut saya lakukan?**

**Wanita berumur 50 tahun atau ke atas, akan diberikan penyaringan mamogram PERCUMA setiap dua tahun.**

- Jika anda menjalani penyaringan dengan kerap, sebarang kanser payudara yang dikesan mungkin berada pada peringkat awal.
- Hanya antara 1-15% daripada wanita mungkin memerlukan penyaringan mamogram tahunan bergantung kepada berapa kerapnya berlakunya kejadian kanser payudara dalam sejarah keluarga meraka.
- Jika sebelum ini anda telah mengidap kanser payudara, adalah penting bagi anda berjumpa GP anda secara kerap dan menjalani penyaringan mamogram tahunan.

## **Sedar akan payudara**

- Kenali payudara anda dan ketahui apa yang normal bagi anda. Lihat payudara anda di dalam cermin dan merasa payudara anda dari semasa ke semasa.
- Berjumpa GP anda segera jika anda mendapati sebarang perubahan tidak normal dalam payudara anda.
- Tanya GP anda mengenai kesihatan payudara pada masa pemeriksaan yang berikut.

## **Perubahan-perubahan yang mesti diperhatikan termasuk:**

1. Adanya ketulan, atau penebalan pada payudara atau ketiak;
2. Perubahan pada puting seperti penyongsangan, lelehan puting baru, gatal atau kulitnya berborok;
3. Perubahan-perubahan pada kulit payudara seperti berlesung pipit, berkedut-kedut atau kemerahan-merahan;
4. satu bahagian payudara yang merasa berbeza daripada bahagian lain;
5. sakit payudara baru yang berterusan.

## **Anda ada apa-apa soalan?**

Hubungi GP anda atau telefon: BreastScreen WA pada 13 20 50 untuk temujanji atau (08) 9323 6700 untuk maklumat atau bagi wanita di kawasan luar bandar hubungi talian bebas tol 1800 800 033.

Emel: [breastscreenwa@health.wa.gov.au](mailto:breastscreenwa@health.wa.gov.au)

National Relay Service [www.relayservice.gov.au](http://www.relayservice.gov.au)

Translating and Interpreting Service (TIS) 13 14 50

**Maklumat selanjutnya dalam bahasa anda terdapat di laman web BreastScreen WA:**

[www.breastscreen.health.wa.gov.au/Breast-screening/Multicultural-women](http://www.breastscreen.health.wa.gov.au/Breast-screening/Multicultural-women)

